

Perlembagaan pertahanan Malaysia negara Islam



DR MOHAMED AZAM
MOHAMED ADIL

mazamadil@iais.org.my

Rakyat bukan Muslim tetap dibenarkan amal agama masing-masing

Negara sekali lagi diujani dengan perdebatan sama ada Malaysia sebuah negara Islam atau sekular. Ketika memberi jawapan bertulis kepada Oscar Ling Chai Yew (DAP-Sibu) di Dewan Rakyat pada 16 Jun 2014, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, sekali lagi menegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Pandangan ini disokong bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerana dalam sesebuah negara Islam seperti Malaysia, ia memberi keadilan kepada orang Islam dan orang bukan Islam. Sehingga Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia memutuskan bahawa Malaysia bukan negara sekular kerana agama Islam adalah satu-satunya agama yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan. Berbeza dengan negara seperti Turki dan India yang secara jelas menyebut perkataan sekular dalam Perlembagaan negara mereka.

Pada pengamatan penulis, hujah yang menyatakan bahawa Malaysia sebuah negara sekular adalah kurang tepat. Ada banyak peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memberi keistimewaan kepada agama Islam. Perkara 3(1) yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan dan Perkara 12(2) yang membenarkan kerajaan membelanjakan duit negara bagi pembangunan agama

Islam, menunjukkan bahawa Malaysia bukan negara sekular.

Dari sudut sejarah, Tanah Melayu dianggap oleh ahli sejarah sebagai sebuah negara Islam melihat kepada undang-undang yang dilaksanakan ketika itu. Sebelum kedatangan penjajah Portugis, Belanda dan British, undang-undang yang terpakai adalah meliputi undang-undang Islam dan adat. Hukum Kanun Melaka sebagai undang-undang pokok sudah mempengaruhi undang-undang di negeri lain, yang banyak mengandungi peraturan dan hukuman yang berlandaskan agama Islam dan adat Melayu.

Kedatangan Portugis dan Belanda di Melaka, sebelum British menjajah seluruh Tanah Melayu tidak sedikit pun memberi kesan kepada aspek undang-undang yang terpakai ketika itu. Hanya dengan kedatangan British, undang-undang Islam sedikit demi sedikit sudah diketepikan dan diganti dengan undang-undang Inggeris. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, tiada satu perisytiharan dibuat mengatakan bahawa negara ini adalah negara Islam. Perisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam hanyalah dibuat 44 tahun kemudian oleh Tun Dr Mahathir pada 29 September 2001.

Islam agama bagi Persekutuan

Sebenarnya, Perlembagaan Persekutuan digubal Suruhanjaya Reid. Suruhanjaya ini diketuai oleh Lord Reid dari United Kingdom dengan ahli lain terdiri daripada Sir Iver Jeannings dari United Kingdom, Hakim Abdul Hamid dari Pakistan, Sir William McKell dari Australia dan B Malik dari India.

Pada asalnya, peruntukan Islam sebagai agama negara tiada dalam draf awal Perlembagaan. Hanya Abdul Hamid membangkitkan persoalan itu dalam lampiran laporan suruhanjaya itu. Selepas itu, PERIKATAN mencadangkan supaya satu peruntukan mengenai agama Islam sebagai agama Persekutuan dimasukkan dalam Perlembagaan tanpa sedikit pun menyisihkan hak bukan Islam dalam menganut, mengamalkan dan menyebar agama mereka.

Memang benar suruhanjaya ini ada menyatakan bahawa peruntukan itu tidak sama sekali mengetepikan status

Malaysia sebagai sebuah negara sekular tetapi ia sama sekali tidak wujud dalam draf akhir perlembagaan itu sendiri.

Justeru, Perkara 3(1) menyatakan 'Agama Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan'. Peruntukan seperti ini diberi penekanan sekali lagi dalam Perkara 11(1) yang berbunyi 'tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.'

Dengan adanya dua peruntukan penting ini, Perlembagaan memberi jaminan hak kebebasan beragama kepada semua penganut agama. Tetapi, kebebasan beragama tidaklah bersifat mutlak. Sebagai contohnya, dalam fasal (4) Perkara 11 memberi kuasa kepada Parlimen dan Badan-badan Perundangan Negeri mengubal undang-undang pengawalan agama bukan Islam kepada orang Islam. Di samping itu, Perkara 11 (5) meletakkan syarat bahawa kebebasan itu tidak menyalahi ketenteraman awam, kesihatan awam dan akhlak.

Perkara 3(1) dan kedudukan Islam dalam Perlembagaan

Walaupun Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman, ada menjelaskan dalam satu sesi Parlimen bahawa negara ini adalah sebuah negara sekular dan peruntukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan hanyalah untuk tujuan rasmi negara, itu hanyalah pandangan peribadi beliau. Perlembagaan Persekutuan itu sendiri tidak sama sekali menyebut negara ini sebagai negara sekular. Malah peruntukan agama Islam sebagai agama Persekutuan lebih memihak bagi mereka yang mengatakan bahawa Malaysia sebuah negara Islam.

Mungkin ada sesetengah peguam dan pengamal undang-undang yang mengatakan bahawa kes Che Omar Che Soh lawan Pendakwa Raya [1988] 2 MLJ 55 mengiyakan bahawa Malaysia bukan negara Islam dan ini mengesahkan bahawa negara ini adalah negara sekular. Hakim Tun Salleh Abbas (ketika itu) berpendapat bahawa agama Islam bukanlah hanya semata-mata peribadatan khusus tetapi me-

liputi satu cara hidup yang merangkumi pelbagai aktiviti kehidupan sama ada dalam bentuk individu mahupun kemasyarakatan seperti undang-undang, politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, moral dan kehakiman, namun peruntukan Perkara 3(1) hanyalah bersifat peribadatan dan upacara rasmi saja.

Tetapi menurut Prof Dr Aziz Bari, keputusan kes ini sebenarnya tidak mencerminkan kedudukan sebenar Islam seperti yang dibuat dalam Laporan Suruhanjaya Reid dan Kertas Putih. Keputusan kes Che Omar tidak boleh sama sekali mempertikaikan perihal kesahihan undang-undang. Ia hanyalah mengehadkan amalan agama Islam seperti yang termaktub. Keputusan kes ini tidak sama sekali merendahkan kedudukan agama Islam itu sendiri.

Perayu mempertikaikan sama ada undang-undang yang wujud dalam negara ini, dalam hal ini hukuman gantung mandatori bagi kesalahan mengedar dadah adalah bercanggah dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, justeru undang-undang Islam tidak menghukum orang yang mengedar dadah dengan hukuman mati.

Mungkin kerana tiada peruntukan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa negara ini adalah negara Islam mengundang perdebatan sekarang, malah ia sudah lama dibangkitkan sejak zaman Tunku lagi. Mungkin kerana ketiadaan peruntukan khusus ini jugalah yang menyebabkan DAP dan PAS mempertikaikan perisytiharan yang dibuat oleh Tun Dr Mahathir pada tahun 2001. Tetapi tidak juga tepat bagi mereka yang mengatakan bahawa Malaysia sebuah negara sekular dengan peruntukan lain yang memberi kedudukan istimewa kepada agama Islam.

Keistimewaan negara Islam

Kedudukan Islam yang begitu tinggi juga disebut dalam kes Meor Atiqulrahman dll lawan Fatimah Bte Sihi dll [2000] 5 MLJ 375. Hakim Datuk Mohd Noor Abdullah dalam memutuskan kes pemakaian serban oleh tiga murid sekolah mengatakan bahawa menurut Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, agama Islam adalah ad-

deen, satu cara hidup dan bukan hanya khusus untuk upacara rasmi. Kanya lagi, 'agama Islam adalah agama utama, mengatasi agama lain di Malaysia. Status agama Islam tidak boleh disamakan dengan agama lain.'

Dalam kes Lina Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dll [2004] 2 MLJ 119, Hakim Datuk Faiza Tamby Chik memutuskan bahawa Perkara 3 (1) Perlembagaan itu sendiri menempatkan kedudukan istimewa agama Islam sebagai agama utama dan dominan mengatasi agama lain. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan memelihara, menjaga dan mempromosikan Islam. Memandangkan kedudukan khas yang diberikan kepada agama Islam dan kaitan antara Islam dan Melayu, hakim menolak permohonan Lina Joy untuk menukar nama Islam kepada nama bukan Islam, justeru untuk memelihara agama Islam.

Memandangkan bahawa kedudukan Islam yang diperuntukkan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan membawa maksud yang besar, maka pandangan yang mengatakan bahawa negara ini adalah negara sekular pada pandangan penulis, adalah tidak tepat. Masakan negara sekular memberi keistimewaan yang begitu besar kepada agama Islam. Ini termasuk penggunaan wang negara. Perkara 12(1) memberi keizinan kepada kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi pembangunan dan apa-apa saja kaitan dengan agama Islam.

Perkataan agama diulang

Profesor Emeritus Dr Shad Saleem Faruqi (UiTM) berpendapat bahawa dalam sesebuah negara sekular, peruntukan agama rasmi bagi negara lazimnya tidak dimasukkan dalam Perlembagaan negara tersebut dan tiada peruntukan dan bantuan diberi bagi aktiviti agama. Tetapi perkataan 'agama' diulang tidak kurang 20 kali dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadi, bagaimana boleh dikatakan Malaysia sebuah negara sekular? Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim juga tidak dapat menerima pandangan yang mengatakan bahawa negara ini adalah negara sekular. Menurut Allahyarham, perkataan 'agama' dalam Perkara 3(1), Perlembagaan Perseku-

tuannya seharusnya tidak disempitkan hanya untuk upacara rasmi keagamaan tetapi seharusnya meliputi undang-undang utama negara.

Malaysia tidak boleh sama sekali dianggap sebagai negara sekular. Masakan dalam negara sekular boleh memberi bantuan pembinaan masjid, kuil dan gereja. Ini yang membezakan Malaysia dari negara lain. Walaupun agama Islam adalah agama Persekutuan dan dianggap dominan, justeru kerana orang Melayu itu adalah orang Islam (mengambil definisi orang Melayu dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan), ia tidak sama sekali menafi hak orang bukan Islam.

Hujah lain ialah lafaz sumpah Yang di-Pertuan Agong setiap kali pertabalan yang diperuntukkan dalam Perkara 37 diperincikan dalam Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan, antara lain adalah untuk 'memelihara setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman dalam negeri.' Ini mencerminkan bahawa agama Islam diberi tempat tinggi dan tugas dan amanah Yang di-Pertuan Agong adalah untuk memelihara agama Islam.

Syiar Islam dipertahan

Pandangan yang mengatakan bahawa negara ini adalah negara sekular kurang tepat. Perlembagaan Persekutuan itu sendiri tidak menyebut bahawa negara ini adalah negara sekular. Walaupun secara zahir, tidak terdapat peruntukan dalam Perlembagaan itu yang mengatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam, ciri-ciri dan peruntukan Perlembagaan itu sendiri mengiktiraf bahawa negara ini mengagungkan agama Islam. Mana mungkin sebuah negara sekular memberi keistimewaan yang luar biasa kepada agama Islam. Ini terbukti dengan adanya peruntukan dalam Perkara 3(1) yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan dan Perkara 12(2) yang memberi keizinan kerajaan membelanjakan duit negara untuk tujuan pembangunan agama Islam.



Penulis ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS) Malaysia